

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 15.10.2024 MASA: 01.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL
HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN SISTEM i-SWEEP MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**16 OKTOBER 2024 (RABU)
2.30 PETANG**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. **Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &
Desa

2. **Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis**
En Bernard Cheen Goon Hoi
En Zainuddin Bin Mohamed
Datuk Mohd Noor Bin Ahmad
En Muhamad Suzuki Bin Ahmad
Whip Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

3. **Yang Dihormati Barisan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai

4. **Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

5. **Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**
Majlis Bandaraya Seberang Perai

6. **Kakitangan-kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

7. **Rakan-Rakan Media**

8. **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

*****TAMAT*****

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran Sistem i-SWeeP Majlis Bandaraya Seberang Perai** di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir melancarkan Majlis pada petang yang berbahagia ini.
3. Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang telah menggariskan wawasan pembangunan negeri iaitu Penang 2030, di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mengintegrasikan perkhidmatan yang diberikan bersama teknologi pintar terkini.
4. Sistem i-SWeeP diwujudkan selaras dengan aspirasi tersebut dan ia bertujuan untuk mengoptimumkan fungsi MBSP untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk, pihak berkepentingan dan pengunjung

Seberang Perai dengan menggunakan teknologi pintar dan analisis data bagi menjadikan Seberang Perai sebuah bandar yang bersih dan indah berteraskan teknologi pintar.

5. Sistem pengurusan bersepadu perbandaran ini yang diberi nama i-SWEEP yang bermaksud *Integrated Solid Waste and Public Cleansing Management System*, merupakan aplikasi sehenti untuk semua fungsi utama Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP di mana MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama yang menggunakan sistem bersepadu perbandaran merangkumi 10 modul pengurusan yang lengkap, iaitu:-

1. Pengurusan Maklumat Dan Data
2. Pengurusan Kakitangan
3. Pengurusan Beratan Sampah
4. Pengurusan Tuntutan Elaun Perjalanan
5. Pengurusan Bahagian Operasi
6. Pengurusan Kenderaan
7. Pengurusan Syarikat Kontraktor Pembersihan
8. Pengurusan Penguatkuasan
9. Pengurusan Fasiliti Sisa Pepejal
10. Pengurusan Aduan

6. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP mempunyai kakitangan yang ramai, iaitu sebanyak 2,091 orang kakitangan. Bagi memudahkan urusan pemantauan kerja, MBSP telah menghasilkan

sistem bersepadu ini yang berkemampuan untuk memudahkan pemantauan dijalankan ke atas setiap perkhidmatan pembersihan yang diberikan oleh MBSP. Sistem ini dimiliki sepenuhnya oleh MBSP dan sistem yang dibangunkan diintegrasikan dengan sistem yang sedang digunakan oleh MBSP iaitu iaitu Sistem Kehadiran, Sistem Cuti, Sistem i-Kompaun, Sistem Timbang TPPB & SPAJ, SISKEN dan lain-lain.

7. Pelantikan syarikat bagi perkhidmatan pembangunan sistem bersepadu perbandaran ini dibuat melalui tatacara perolehan secara *Request for Proposal*, di mana Syarikat Fulkrum Interactive Media Sdn. Bhd. telah dilantik. Syarikat ini telah melaksanakan kerja-kerja pembangunan sistem bermula pada 1 Ogos 2022 sehingga 31 Oktober 2023 dan akan melaksanakan penyelenggaraan sistem selama lima (5) tahun bermula 1 November 2023 sehingga 31 Oktober 2028.
8. Rundingan pembangunan Sistem i-SWEEP adalah menggunakan model pembiayaan yang pintar iaitu menerusi pembayaran penggunaan sistem oleh kontraktor pembersihan secara bulanan. Sistem ini akan menjadi milik Majlis Bandaraya Seberang Perai setelah penyelenggaraan sistem tamat tempoh.
9. Pembangunan sistem ini merupakan satu aspirasi bagi merealisasikan agenda-agenda Penang2030, *Sustainable Development Goals (SDG)*, Pelan Strategi MBSP 2023- 2030,

Seberang Perai Corporate Priorities 2024, dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.

10. Kebersihan Seberang Perai adalah amat penting bagi seluruh komuniti dalam meningkatkan produktiviti, kesejahteraan mental, hubungan sosial, kesihatan yang lebih baik, rasa kawalan, ketenangan dan kepuasan, kebahagiaan dan kualiti hidup. MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat melalui *institutional reform* supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya.
11. MBSP akan sentiasa mengetengahkan *idea-idea* baru dan komited untuk terus mara ke hadapan dalam usaha pembaharuan digital dan pintar seiring dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat dan pihak industri selaras dengan harapan Penang2030 untuk menjadi sebuah Negeri Pintar yang menginspirasi Negara sekaligus menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City* dan seterusnya menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.
12. Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Pelancaran Sistem i-SWeeP Majlis Bandaraya Seberang Perai. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, yang sudi merasmikan pelancaran Majlis ini, serta Ahli-Ahli Majlis

dan warga kerja MBSP yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.